



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
WP KUALA LUMPUR, WP PUTRAJAYA, SELANGOR, KEDAH, PULAU PINANG,
PERAK, NEGERI SEMBILAN, MELAKA, JOHOR DAN TERENGGANU

8 NOVEMBER – 6 DISEMBER 2020

KEMENTERIAN KERJA RAYA

SEKTOR PEMBINAAN

- 1. Adakah sektor pembinaan tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu?**

Ya, semua aktiviti dan operasi di bawah sektor pembinaan tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu.

- 2. Adakah tapak pembinaan di negeri-negeri WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu dibenarkan beroperasi sepanjang PKPB?**

Tapak pembinaan dan semua aktiviti dan operasi di bawah sektor pembinaan boleh teruskan operasi tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan. Sila ke laman web Majlis Keselamatan Negara www.mkn.gov.my untuk SOP terkini.

- 3. Adakah syarikat pembinaan perlu memohon permit kerja dengan MITI sepanjang PKPB?**

TIDAK PERLU kerana semua aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP yang telah dikeluarkan. Namun, syarikat digalakkan untuk mendaftar di dalam Sistem CIMS MITI kerana ianya adalah sumber rujukan utama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

4. Adakah sebarang had waktu operasi yang dikenakan untuk kerja-kerja di tapak pembinaan?

Tiada had operasi yang ditetapkan untuk Sektor Pembinaan. Walau bagaimanapun majikan perlu mematuhi peraturan waktu operasi yang telah ditetapkan oleh Pihak BerkuasaTempatan (PBT) sekiranya ada.

5. Adakah ujian makmal COVID-19 diwajibkan untuk pekerja di tapak pembinaan?

- Warga asing (pekerja dan majikan) di dalam sektor pembinaan di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor, adalah diwajibkan untuk menjalani ujian makmal COVID-19 sebelum memulakan kerja. Walau bagaimanapun, warga asing (pekerja dan majikan) yang telah memohon untuk menjalani ujian makmal COVID-19 tersebut atau menunggu keputusan ujian dan **tidak bergejala**, adalah dibenarkan untuk bekerja sementara menunggu giliran untuk diuji atau keputusan ujian diperolehi dengan syarat mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- Mana-mana pekerja yang disyaki mempunyai **gejala** COVID-19 hendaklah segera diasingkan dan dibawa untuk ujian makmal COVID-19.
- Pekerja yang berpindah tapak pembinaan digalakkan untuk mengulangi ujian makmal COVID-19.

6. Siapakah yang perlu menanggung kos pengurusan COVID-19?

Majikan perlu menanggung kos ujian makmal COVID-19 dan menyediakan penginapan alternatif yang diluluskan KKM bagi tujuan kuarantin positif COVID-19 dan kontak rapat yang bekerja di tapak bina/ premis. Selain itu, kos rawatan, makan-minum, logistik serta pengawalan keselamatan juga ditanggung oleh majikan.

7. Adakah pekerja binaan dibenarkan merentas zon merah ke zon hijau dan sebaliknya?

Pergerakan merentasi zon bagi tujuan pekerjaan adalah dibenarkan dengan syarat pekerja membawa pas pekerja yang sah atau surat kebenaran daripada majikan, tertakluk kepada arahan semasa.

8. Adakah pekerja binaan dibenarkan merentas daerah atau negeri?

Pergerakan merentas daerah dan merentas negeri untuk tujuan pekerjaan adalah dibenarkan dengan syarat pekerja membawa pas pekerja yang sah atau surat kebenaran majikan.

9. Adakah kenderaan yang membawa pekerja ke tapak bina dibenarkan untuk beroperasi?

Kenderaan yang membawa pekerja adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan pematuhan SOP. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan adalah bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan untuk tujuan bekerja/ menjalankan tugas.

10. Adakah kenderaan berkaitan pembinaan dibenarkan untuk merentas daerah dan negeri?

Semua kenderaan berkaitan industri pembinaan, perniagaan dan perkilangan dibenarkan merentas daerah dan negeri.

11. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi CIDB Careline 03-5567-3300.

Catatan:

1) Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.

2) Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
18 NOVEMBER 2020**